



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 27 JULAI 2023**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TAMBAH FASILITI UMK LAHIR DOKTOR VETERINAR, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	JABATAN PERIKANAN HARAMKAN BUBU NAGA, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	TANGKAP IKAN GUNA 'BOM', LOKAL, HM -5	
4.	HILANGNYA SPESIES PENYU PALING BERHARGA, SUARA SINAR, SH -16	
5.	HARAMKAN BUBU NAGA DALAM MASA TERDEKAT, NEGARA, KOSMO -17	
6.	9 NELAYAN DICEKUP TANGKAP IKAN GUNA BAHAN LETUPAN, NEGARA, KOSMO -17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



**MOHAMED Khaled Nordin (tengah) semasa meninjau gerai pameran selepas merasmikan Inkubator Keusahawanan, Pusat Penyelidikan dan Hospital Pengajar Perubatan Veterinar UMK, Bachok, Kelantan semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN**

## Tambah fasaliti UMK lahir doktor veterinar

**BACHOK:** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menambah kemudahan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi melahirkan lebih ramai doktor veterinar pada masa hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, projek meningkatkan lagi keupayaan universiti berkenaan sudah dijalankan ketika ini.

Menurutnya, bagaimanapun ia mungkin mengambil sedikit masa untuk disiapkan kerana ada masalah kelewatan.

“KPT akan memberikan per-

hatian kepada perkara ini. Setakat ini hanya 50 orang pelajar sahaja diambil bagi mengikuti pengajian dalam satu masa.

“Sebaik sahaja masalah itu selesai UMK akan dapat menambah bilangan pelajar dalam bidang veterina. UMK merupakan pusat pengajian tinggi awam yang mempunyai hospital veterina selepas Universiti Putra Malaysia (UPM),” katanya selepas merasmikan Majlis Perasmian Inkubator Keusahawanan, Pusat Penyelidikan dan Hospital Pengajar Perubatan Ve-

terinar UMK di sini hari ini.

Hadir sama Naib Chenselor UMK Profesor Datuk Dr Razli Che Razak. Mohamed Khaled memberitahu, sehingga kini UMK telah berjaya melahirkan 400 doktor veterinar.

Dalam perkembangan lain Mohamad Khaled berkata, KPT menerima cadangan UMK untuk menaik taraf pusat kecemerlangan keusahawanan.

Katanya, pusat ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua universiti awam di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

## Jabatan Perikanan haramkan bubu naga

### **KUALA TERENGGANU:**

Jabatan Perikanan akan mengharamkan penggunaan bubu naga dalam kalangan nelayan bagi menjaga sumber perikanan negara yang semakin terancam.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, cadangan itu telah dibawa ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Menurut beliau, penggunaan bubu naga dalam komuniti maritim memberi kesan buruk kepada ekosistem selain menjejaskan sumber perikanan untuk jangka masa panjang.

“Jabatan ini ke arah untuk mengharamkan bubu naga di perairan negara dan cadangan tersebut sekarang dalam proses akhir, mungkin akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

“Jadi kita cuma tunggu keputusan kementerian yang terlibat (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) sebelum pengharaman itu dikuatkuasakan.

“Langkah ini penting kerana penggunaan bubu naga boleh menyebabkan sumber perikanan berkurang sekali gus memberi impak buruk kepada isu keterjaminan makanan,” jelasnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar operasi bersepadu Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan (Op Mardof) di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/7/2023	HARIAN METRO	LOKAL	5

# Tangkap ikan guna 'bom'

*Sembilan nelayan warga Filipina ditahan PPM guna bahan letupan di dasar laut*

Oleh Juwan Riduan  
am@hmetro.com.my

## Kota Kinabalu

**G**una bahan letupan untuk meletupkan dasar laut sebelum mengutip ikan yang timbul di permukaan.

Itu taktik berbahaya digunakan sembilan nelayan warga Filipina yang ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) kerana disyaki menangkap ikan di perairan barat Pulau Mantan, di sini, jam 6 petang kelmarin.

Semua suspek berusia 25 hingga 60 tahun itu ditahan selepas anggotanya PPM Kota Kinabalu yang menjalankan operasi Op Taring Gelora.



NELAYAN warga Filipina ditahan kerana menangkap ikan guna bahan letupan di perairan barat Pulau Mantan, Kota Kinabalu.

PPM turut merampas 500 kilogram pelbagai jenis ikan bersama dua bot yang digunakan suspek.

Bagaimanapun ketika operasi dilakukan, suspek sempat membuang bahan letupan ke dalam laut sebaik menyedari kehadiran pasukan polis marin.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Ahmad Ariffin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan rampasan dilakukan pihaknya.

“Tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Perikanan Sabah cawangan Kota Kinabalu untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya dalam satu kenyataan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/7/2023	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

# Hilangnya spesies penyu paling berharga



ANALISIS MUKA 16

HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN

**P**enyu merupakan khazanah negara yang tidak ternilai harganya sehingga menjadi kebanggaan rakyat Malaysia sejak sekian lama.

Kekerapan haiwan marin itu mendarat untuk bertelur di beberapa buah pantai seluruh negara telah menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan negara.

Ramai pelancong sama ada domestik mahupun antarabangsa sentiasa mencari peluang untuk melihat sendiri empat daripada tujuh jenis penyu yang ada di negara kita.

Salah satu negeri yang menjadi tumpuan pelancong ialah Terengganu kerana ia menjadi lokasi utama pendaratan kesemua empat spesies penyu yang ada di negara kita iaitu belimbing, karah, lipas dan agar.

Justeru, tidak hairanlah kalau negeri tersebut terkenal dalam kalangan rakyat Malaysia dengan jolokan tempat penyu bertelur.

Bagaimanapun, baru-baru ini *Sinar Harian* melaporkan, Terengganu sedang berdepan dengan kemerosotan pendaratan penyu dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

Satu daripada empat penyu yang ada iaitu belimbing dilaporkan tidak lagi kelihatan mendarat di negeri itu sejak lima tahun lalu.

Data Jabatan Perikanan Malaysia merekodkan, kali terakhir penyu tersebut mendarat di Terengganu ialah pada tahun 2017 iaitu sebanyak dua kali.

Sejak itu, tiada lagi jejak penyu belimbing dikesan mendarat untuk bertelur di sekitar pantai Terengganu yang sebelum ini menjadi lokasi kegembiraan haiwan marin itu.

Biarpun spesies tersebut belum diisytiharkan pupus namun negara secara amnya telah kehilangan satu spesies yang tidak ternilai harganya.

Ini kerana penyu belimbing adalah spesies terbesar dunia yang mampu mencecah dua meter panjang dengan berat maksimum 500 kilogram.

Di samping itu, penyu tersebut juga merupakan satu-satunya spesies yang kerap berpindah-randah ke seluruh dunia merentasi lautan Atlantik mahupun Pasifik.

Tidak mustahil, kehilangan penyu belimbing di Terengganu itu boleh membawa kepada kehilangan spesies lain seperti karah dan lipas di negeri tersebut.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Uzair Rusli berkata, negara turut berisiko tinggi untuk hilang sepenuhnya spesies tersebut kerana keduanya makin sukar ditemui.

Kehilangan spesies penyu belimbing di Terengganu merupakan satu kehilangan besar kepada negara kita.

Selain menjejaskan pendapatan pelancongan, kehilangan spesies tersebut juga secara amnya mengganggu ekosistem laut di negara ini.

Menurut laporan badan perlindungan dan baik pulih pantai Amerika Syarikat, Oceana, penyu menjamin kesihatan dasar laut sejak 100 juta tahun lalu.

Laporan bertajuk *Why Healthy Oceans need sea turtles: The importance of sea turtles to marine ecosystems* mendedahkan, penyu penting kepada ekosistem laut kerana

ia membantu proses tumbesaran batu karang dan pelestarian pantai.

Hal tersebut mungkin sukar difahami namun berlaku melalui pemindahan nutrien yang diambil oleh penyu dari dasar laut ke pesisiran pantai.

Menurut laporan tersebut, penyu akan memakan span dan rumput di dasar laut bagi membolehkan batu karang membesar, sekali gus menjadi tempat ikan membiak.

"Nutrien diambil dari dasar laut akan dibebaskan ke pantai ketika penyu bertelur kerana telur ini membekalkan nutrien seperti potasium, fosforus dan nitrogen yang diperlukan pantai.

"Nutrien yang dibekalkan melalui telur penyu ini akan membantu menyuburkan tumbuhan di pantai yang berperanan melindungi pesisir pantai," menurut laporan itu lagi.


Justeru, penting untuk kita terus memelihara spesies penyu yang ada di negara kita daripada terus lenyap.

Ini kerana peranan haiwan marin itu jelas menjaga kesihatan dan kelestarian laut selain menambah warna keunikan marin tempatan yang menjadi produk pelancongan.

Oleh yang demikian, hentikan kegilaan memakan telur penyu kerana ia boleh menyebabkan haiwan marin itu pupus. Jangan cemari laut dengan sampah sarap kerana perbuatan tersebut boleh mengancam nyawa penyu untuk terus tinggal dan bertelur di negara kita.

Dua perkara ini adalah hal paling mudah untuk dilakukan oleh orang awam seperti kita bagi membantu negara menjaga spesies penyu yang ada di negara kita agar kehilangan spesies haiwan marin itu tidak berulang lagi.

\*Hafezdzullah Mohd Hassan ialah Wartawan Sinar Premium.



BUBU naga digunakan secara meluas oleh nelayan di perairan negara ini termasuk di Labuan kerana mampu menangkap banyak hasil laut.

Penggunaan secara meluas jejas sumber perikanan

## Haram bubu naga dalam masa terdekat

Oleh **TENCKU DANISH BAHRI**  
TENCKU YUSOFF

**KUALA TERENGGANU** – Bubu naga yang digunakan secara meluas dalam kalangan nelayan di negara ini akan diharamkan tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, ini selepas kertas kerja berhubung pengharuman bubu naga diserahkan kepada Kementerian Perranian dan Keterjaminan Makanan untuk tindakan lanjut baru-baru ini.

Menurutnya, penggunaan bubu naga memberi kesan buruk kepada ekosistem marin, selain menjejaskan sumber perikanan bagi tempoh jangka panjang.

"Cadangan untuk mengharumkan bubu naga kini dalam proses akhir. Insyallah akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

"Kita sedang tunggu lampu hijau penguatkuasaan pengharumannya daripada Kementerian," katanya ketika ditemui pada Op Mardof bersama Maritim Malaysia di sini semalam.

Difahamkan, setakat ini penjualan dan pembelian bubu naga tidak tertakluk di bawah kesahihan, sebaliknya hanya penggunaan diharamkan di bawah Akta Perikanan 1985.

Bellau memberitahu, penggunaan bubu naga jika dibiarkan boleh memberi impak kepada keterjaminan makanan negara. "Telasnya isu itu semakin meruncing apabila penggunaannya

oleh nelayan semakin meningkat menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini.

"Jika dahulu, bubu naga digunakan secara meluas di utara tanah air, tetapi kini merebak ke seluruh negara termasuk Labuan. Nelayan suka guna bubu naga kerana mampu menangkap banyak hasil laut, namun malangnya ia turut memerangkap anak-anak ikan," katanya.

Sebelum ini, Koomo melaporkan, pendapatan mencecah RM15,000 hingga RM30,000 sebulan menjadi punca segehirntir nelayan di perairan Pantai Remis, Lumut. Perak menggunakan bubu naga.

Biarpun menyedari ia satu kesalahan, namun pendapatannya yang lumayan menyebabkan mereka seolah-olah tidak serik.

## 9 nelayan dicekup tangkap ikan guna bahan letupan

**KOTA KINABALU** – Padah menangkap ikan menggunakan bahan letupan, seramai sembilan nelayan warga Filipina dirahan Pasukan Polis Marin (PFM) di perairan barat Pulau Manukan di sini kelmarin.

Meraka yang berusia 25 hingga 60 tahun diberkas sepasukan anggota PPM Kota Kinabalu ketika menjalankan Op Turing Gelora di lokasi berkenaan pada pukul 6 petang.


Selain tangkapan, PPM turut merampas sebanyak 500 kilogram (kg) ikan pelbagai jenis dipercayai ditangkap dengan menggunakan bahan letupan dan dua buah bot yang diguna-

kan semasa kejadian. Sasatan awal mendapati bahan letupan yang digunakan suspek sudah dibuang ke laut seabak menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Ahmad Ariffin memberitahu, nilai kesemua rampasan tersebut dianggarkan berjumlah RM104,665.

"Tangkapan dan rampasan itu diserahkan kepada Jabatan Perikanan Sabah cawangan Kota Kinabalu untuk tindakan selanjutnya.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.



SEBAHAGIAN nelayan warga asing yang ditahan kerana menangkap ikan menggunakan bahan letupan di perairan barat Pulau Manukan, Kota Kinabalu kelmarin.